

Kerajaan cari pengguna untuk hidroelektrik Bakun

BH 30 JUN 2000

BANGI, Khamis - Kerajaan masih mencari pengguna untuk bekalan elektrik daripada projek hidroelektrik Bakun yang pembinaannya diteruskan semula tetapi pada skala lebih kecil.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pada satu ketika kerajaan bercadang membuka projek melebur aluminium berdekatan kawasan Bakun yang boleh menggunakan banyak tenaga elektrik.

Bagaimanapun, projek itu terbantut apabila pelabur memilih Australia sebagai tapaknya.

"Jadi kita kena fikir mengenai industri lain yang menggunakan elektrik dengan banyak. Kita perlu mencari pelabur baru. Apabila mereka telah dikenal pasti, kita boleh meneruskan projek itu secepat mungkin," katanya sambil memberi jaminan, projek Bakun tetap diteruskan berikutan peningkatan permintaan elektrik dalam sektor perindustrian.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan projek Bakun selepas merasmikan Universiti Tenaga Nasional (Uniten) milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di sini hari ini.

Kapasiti projek Bakun yang mulanya dicadang untuk menjana 2,400 megawatt (MW) tenaga elektrik, dikecilkan kepada 500 MW dengan anggaran kos RM5 bilion.

Dengan keupayaan itu, Bakun hanya dapat menjana tenaga elektrik untuk Sarawak dan Sabah selain kemungkinan dijual kepada negara jiran, Brunei, Kalimantan dan Indonesia.

Kos asal projek itu dianggarkan RM13.5 bilion, termasuk pembinaan kabel dasar laut dari Sarawak ke Semenanjung bagi tujuan membekal tenaga elektrik. Kerajaan kemudian memutuskan tidak membina kabel dasar laut kerana kosnya terlalu tinggi dan mengambil

separuh daripada keseluruhan kos projek itu.

Dr Mahathir berkata, projek Bakun masih diperlukan untuk memenuhi permintaan industri berikutan pertumbuhan sektor tenaga masih kecil berbanding pertumbuhan rancak dalam sektor perindustrian.

Katanya, permintaan terhadap elektrik meningkat secara mendadak kepada 9,000 megawatt, dan antara 1998 dan tahun lalu, penggunaannya meningkat 1,000 megawatt kerana pemuliharaan ekonomi.

Ditanya bila projek Bakun yang saiznya dikecilkan itu akan dimulakan, beliau berkata ia masih dalam kajian dan berharap pembinaannya dapat dilakukan secepat mungkin.

"Jika kita menetapkan tarikhnya hari ini, kita boleh siapkan projek itu dalam tempoh lima atau enam tahun. Kerajaan serius memikirkannya mengenai projek Bakun itu," katanya.